

# PBS kaji susur-galur Silat Bawean Asli

BAGI setengah-setengah anak muda, Silat Bawean Asli merupakan salah satu jenis silat yang gemar dipelajari. Tetapi apakah silat yang diamalkan itu masih benar-benar asli? Inilah yang sedang dikaji oleh Persatuan Bawean Singapura. Dan kerana ini juga, PBS telah mengadakan lawatan ke Pulau Bawean baru-baru ini. (C)

**SAADON ISMAIL** telah mewawancarai Encik Basri Alang, Ketua Unit Silat PBS.

**U**NTUK mengetahui asal-usul silat Bawean asli mungkin merupakan satu perkara yang menarik, apatah lagi bagi mereka yang mengamalkannya.

Tetapi sejauh manakah pesilat-pesilat ini tahu akan susur-galur silat tersebut?

Tentu sekali tidak ramai.

Hanya segelintir saja yang mengamalkan silat Bawean Asli mengetahui mengenai asal-usulnya, terutama tentang bagaimana ia boleh diamalkan oleh pesilat-pesilat di sini dan Malaysia.

Untuk mencari jawapan bagi pertanyaan-pertanyaan inilah maka para pegawai dari Persatuan Bawean Singapura (PBS) dihantarkan sekali lagi ke Pulau Bawean tidak lama dulu. **PENCAK SILAT**

Setiausaha Agungnya, Haji Mohd Sadali Mohd dan ketua unit seksi silat, Encik Basri



• ENCIK Basri Alang, ketua unit silat PBS, dan seorang pendekar di Pulau Bawean, Encik Ahmad Birdi, sedang bermain silat secara persahabatan.

Alang, mengetuai rombongan tersebut **28 SEP 1986**

Mereka menghabiskan masa selama dua minggu di pulau itu untuk mencari, menyelidik dan juga bertemu dengan pendekar-pendekar dan lorah-lorah di pulau tersebut.

"Hasilnya sungguh mengembirakan kerana persoalan yang kami hadapi telah terjawab," kata Encik Basri ketika ditemui baru-baru ini.

Menurutnya, dalam kajian tersebut PBS telah memberi tumpuan kepada aspek-aspek berikut:

- asal-usul pencak Bawean;

- asal-usul pakaian tradisionalnya;
- asal-usul rentak gemalan;
- asal-usul peri laku adat dan budaya Bawean;
- asal-usul keturunan bangsa dan bahasa; dan
- turun temurun putera Bawean.

## Campuradukkan

Namun demikian, hasil daripada kajian tersebut dan lawatan ke beberapa buah desa dan daerah di Pulau Bawean itu, perwakilan PBS mendapati setengah-setengah daripada silat Bawean itu sudah tidak